

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
YB. DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

26. Huraikan data kes denggi di KADUN Pantai Jerejak dalam tempoh masa setahun.
- (a) Jelaskan tindakan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk permasalahan kemudahan Klinik Kesihatan di Jalan Tengah.

**YB. DR. AFIF BIN BAHARDIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

26. Kes denggi di KADUN Pantai Jerejak menunjukkan peningkatan yang membimbangkan, iaitu peningkatan sebanyak 221% iaitu dari 17 kes pada tahun 2017 kepada 90 kes pada tahun ini. Walau bagaimanapun, tiada kes kematian denggi dilaporkan di dalam KADUN Pantai Jerejak pada tahun ini atau tahun lepas.

Masalah utama yang dihadapi Klinik Kesihatan di Jalan Tengah ialah kekurangan ruang parkir kenderaan untuk orang awam. Tindakan yang telah diambil adalah dengan melaksanakan projek pembesaran tapak parkir pada tahun 2015. Memandangkan kekurangan parkir kenderaan masih berlaku terutama pada waktu puncak, Pejabat Kesihatan Barat Daya telah memohon kebenaran menggunakan tanah kosong bersebelahan klinik milik Pos Malaysia. Walau bagaimanapun, permohonan berkenaan belum menerima maklum balas daripada Pos Malaysia.